

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ**

(RAUB)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) senarai nama-nama syarikat terbesar (top 10) yang melarikan cukai dari Malaysia ; dan

(b) apakah tindakan yang telah diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak membayar cukai kepada Kerajaan.

JAWAPAN

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan

Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967, apa-apa maklumat mengenai pembayar cukai yang disimpan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk apa-apa butiran seperti nama dan alamat syarikat, jumlah pendapatan serta jumlah cukai yang dibayar dianggap sebagai maklumat terperingkat. Maklumat tersebut tidak boleh diberi kepada mana-mana pihak.

b. Pelbagai tindakan berterusan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan syarikat menjelaskan bayaran cukai pendapatan yang tepat jumlahnya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Antaranya tindakan adalah :

i. Meningkatkan lawatan ke premis untuk berbincang masalah pembayar cukai dan cara untuk menyelesaikan tunggakan cukai seperti permohonan pembayaran cukai tertangguh secara ansuran;

ii. Mempercepatkan proses Guaman Sivil bagi kes pembayar cukai yang masih tidak menjelaskan tunggakan cukai; dan

iii. Tindakan pemungutan yang lebih agresif iaitu berupa tindakan

penggulangan oleh mahkamah bagi syarikat yang mempunyai tunggakan cukai di bawah Seksyen 218(2)(a) Akta Syarikat 1965.

iv. Program siasatan juga dilaksanakan untuk mencegah aktiviti pelarian serta pengelakan cukai. Aktiviti siasatan dilakukan menerusi lawatan mengejut ke premis perniagaan, premis kediaman dan premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai. Penalti boleh dikenakan di bawah seksyen 112, 113 dan 114 Akta Cukai Pendapatan 1967 sekiranya berlaku penipuan pendapatan berikutan siasatan yang dijalankan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama semua Sekolah Pendidikan Khas (SPK), sekolah yang ada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan sekolah yang ada Program Pendidikan Inklusif.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini terdapat 28 buah sekolah rendah pendidikan khas (SPK), 2 buah sekolah menengah (SMPK) dan 3 buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV). Selain daripada Sekolah Khas, KPM juga menyediakan peluang pendidikan bagi murid pendidikan khas (MBK) di sekolah harian biasa dengan mewujudkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sehingga Januari 2015 terdapat 2,124 buah sekolah yang menawarkan PPKI.

Program Pendidikan Inklusif yang dilaksanakan pada tahun 2014 akan memberi peluang bagi MBK berkefungsian tinggi belajar bersama rakannya yang lain di kelas biasa di sekolah harian biasa. MBK yang berkefungsian sederhana dan rendah akan ditempatkan di PPKI yang menyediakan pendidikan berbentuk kemahiran dan kemahiran asas. Buat masa ini KPM melaksanakan di 3271 (data Jan 2015) sekolah yang melaksanakan PPPI.